

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/1980**

=====

**KAEDAH PEMBAYARAN TANAH DAN RUMAH
BAGI RANCANGAN PERUMAHAN MURAH
KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

1.1 Berikutan dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan di Mesyuaratnya pada 3hb April 1980 di bawah lain-lain hal, Pekelilingan PTG. Bil. 11/1979 adalah dengan ini dipinda seperti berikut:-

- i) Batalkan perkara 1.2.2.(a) dan (b) Pekelilingan tersebut dan gantikan seperti berikut:-
 - a. Pemohon-pemohon boleh membayar bayaran premium. Bayaran Permohonan Tanah, Cukai Tahunan, Cukai Parit, Upah Sukat, Batu Sempadan, Pelan Hakmilik, Pendaftaran Hakmilik Tetap dan Sementara secara beransur-ansur dengan kaedah seperti berikut:-
 - i) Bagi lot biasa pemohon hendaklah membayar RM 300/- sebagai pendahuluan dan bakinya secara ansuran.
 - ii) Bagi lot tepi pemohon hendaklah membayar RM 500/- sebagai pendahuluan dan bakinya secara ansuran.
- ii) Nomborkan semula perkara 1.2.2 (c) sebagai 1.2.2 (b)

1.2 Pemungut-pemungut adalah dinasihatkan supaya, bayaran pendahuluan secara tunai itu dibayar kepada bayaran hasil Federal dahulu, bakinya kalau ada barulah dijadikan sebagai pendahuluan kepada bayaran hasil Negeri.

1.3 Satu akaun untuk bayaran beransur ini hendaklah dibuat di Pejabat-pejabat Tanah yang berkenaan.

2. Formula bayaran premium bagi tapak rumah murah yang tanahnya diambil balik oleh Kerajaan:

Bagi perkara 1.1.2 Pekelilingan Bil. 11/1979 Formula bayaran premium tersebut hendaklah dipinda sebagai berikut:-

Premium:
$$\frac{\text{Pampasan X luas Tanah-Tapak Rumah}}{\text{Luas Tanah (Keseluruhan)}}$$

3. Pemungut-pemungut Hasil Tanah hendaklah mematuhi arahan ini.

T.T

(DATUK RAJA BRIMA SULONG BIN RAJA ROME)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL 1082(58)

SHAH ALAM

5HB OGOS 1980